



Kesedaran Penggunaan E-Pembayaran dalam Kutipan Sumbangan di Masjid: Satu Kajian Literatur Sistematis

Pengurusan
Islam

Awareness of E- Payment Usage for Mosque Fundraising: A Systematic Literature Review

80

FADILAH MAT NOR (Corresponding Author)

NUR SYAHEERA ATAN

JUNAINAH IDRIS

AZA SHAHNAZ AZMAN

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Universiti Islam Selangor (UIS)

fadilahmn@kuis.edu.my

syaheera@kuis.edu.my

junainah@kuis.edu.my

azashahnaz@kuis.edu.my

Submitted: 01 August 2023

Revised: 19 October 2023

Accepted: 26 October 2023

E-Published: 31 October 2023

ABSTRAK

Kertas kerja ini menyediakan kajian literatur sistematik yang komprehensif berkenaan kajian lepas mengenai pelaksanaan e-pembayaran dalam kutipan sumbangan di masjid. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mensintesis secara komprehensif pemahaman mengenai i) definisi e-pembayaran, ii) teori yang digunakan untuk mengukur faktor kesedaran iii) tema faktor kesedaran dalam sorotan kajian lepas. Dengan menggunakan metodologi PRISMA, kajian telah menganalisa semula data sekunder yang dikumpul dari pangkalan data utama Scopus dan Web of Science (WoS). Hasil carian menemukan 304 artikel untuk disaring dan hanya 118 artikel dipilih untuk pengekstrakan data selepas memenuhi kriteria pemilihan melalui proses pencarian sistematik. Bagi objektif pertama, hasil kajian menjangkakan bahawa terma digitalisasi adalah definisi terbaik untuk menerangkan konsep e-pembayaran. Teori TAM dan UTAUT pula didapati paling popular dalam menerangkan kesedaran penerimaan e-pembayaran. Sementara bagi objektif ketiga hasil sorotan bersistematik telah berjaya menerbitkan 7 tema faktor kesedaran penggunaan e-pembayaran dalam pelbagai konteks. Hasil kajian dipercayai boleh membantu pembuat dasar, pengamal dan penyelidik untuk membangunkan model terbaik untuk meningkatkan kesedaran pihak berkaitan meningkatkan kutipan sumbangan dengan penggunaan e-pembayaran. Akhir sekali, beberapa cadangan dan limitasi dapat dikemukakan bagi kajian di masa akan datang.

Kata Kunci: Kesedaran, E-Pembayaran, Pengurusan Masjid, PRISMA





ABSTRACT

This paper provides a comprehensive systematic literature review of e-payment implementation in mosques. This paper aims to synthesize and extend the current understanding of (i) the definition of e-payment, (ii) theories used to measure awareness, and (iii) awareness themes in the previous research. Using PRISMA methodology, the study re-analysed secondary data collected from the Scopus and Web of Science (WoS) databases. The search results identified 304 articles for screening and only 118 articles were selected for data extraction after meeting the selection criteria through a systematic search process. For the first objective, the review results suggest that the term digitalization is the best definition to explain the concept of e-payments. The second objective revealed that TAM and UTAUT are found as the most popular models in describing the awareness of e-payment acceptance. While for the third objective, the systematic review has successfully derived 7 themes of awareness factors of the use of e-payment in various contexts. The results of the study are believed to help policymakers, practitioners, and researchers to develop the best model to increase the awareness of parties related to increasing donation rates with the use of e-payments. Finally, some limitations and suggestions can be made for future studies.

Keywords: Awareness, E-payment, Mosque Management, PRISMA

PENGENALAN

Kewangan mempunyai peranan yang besar dalam pengurusan masjid. Secara umumnya sumber dana kewangan masjid diperolehi melalui infaq, wakaf tunai, derma khairat atau kebajikan, derma aktiviti khusus, sumbangan dan dari sumber-sumber yang lain. Hal ini termasuk hasil daripada aktiviti jualan, kutipan sewa, keuntungan pelaburan dan sebagainya yang diusahakan oleh pihak masjid (JAKIM, Garis Panduan Penyelarasan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau Seluruh Malaysia, 2021).

Namun begitu pengurusan dana masjid masih di tahap yang rendah dan perlu ditambahbaik (Mohd Sarkam, 2014). Ini terbukti apabila kadar kes kecurian duit tabung masjid masih tinggi. Selain daripada itu isu penyelewengan dana masjid juga perlu ditangani kerana ianya bukan hanya melibatkan pengurusan dalaman malah memberi imej yang tidak baik kepada masjid. Sehubungan itu pengurusan masjid perlu mempunyai sistem pengurusan kewangan yang jelas dan tersusun untuk mengatasi masalah ini.

Pelaksanaan e pembayaran di masjid telah mula digunakan di beberapa masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pelaksanaan ini telah menunjukkan peningkatan kutipan infaq serta pengurusan kewangan yang lebih mudah dan bersestematik. Program ini adalah usahasama syarikat Touch 'n Go Sdn Bhd dengan Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI). Program ini telah berjaya membentuk tingkah laku baharu dan mengubah cara sumbangan derma konvensional sebelum ini dengan lebih telus dan lebih efisien (Azam, 2019).



Semenjak diperkenalkan pada tahun 2019 dalam program e-derma, hanya 43 daripada 442 masjid di Selangor yang menawarkan kemudahan memberi infaq dan sumbangan menggunakan e-dompot (Anon, 2022). Fenomena ini menyimpulkan hanya 10% sahaja daripada masjid di Selangor telah melaksanakan e-pembayaran sebagai medium kutipan sumbangan. Jumlah ini dilihat sangat kecil berbanding penyertaan masjid dalam e-pembayaran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


METODOLOGI

Metodologi kajian yang digunakan bagi kertas kerja ini adalah kajian kualitatif dengan menganalisa data-data sekunder daripada sorotan kajian lepas secara sistematik. Kajian telah menggunakan garis panduan PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) sebagai protokol dalam melaksanakan tinjauan literatur secara sistematik. Pemilihan PRISMA adalah berdasarkan saranan Moher. D (2009) yang menyenaraikan 4 garis panduan utama bagi melakukan tinjauan literatur yang komprehensif dan sistematik. Langkah-langkah pengenalpastian (*identification*), penyaringan (*screening*), penerimaan (*eligibility*) dan pemilihan (*included*) turut diterangkan di dalam bahagian ini secara terperinci sehinggalah penulisan kajian dilaksanakan.

PRISMA

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas. Artikel-artikel atau jurnal dari *Web of Science* dan *Scopus* menjadi pangkalan data kepada kajian yang dilaksanakan. Menurut (Gusenbauer & Haddaway, 2020) pemilihan dua sumber pangkalan data tersebut antara enjin carian terbaik dalam membantu mendapatkan kajian yang berkualiti bagi kajian sistematik. Data carian seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*) dengan melibatkan beberapa fasa iaitu pengenalpastian (*Identification*), penyaringan (*Screening*), penerimaan (*Eligibility*) dan pemilihan (*Included*). Keempat-empat fasa yang telah diadaptasi daripada (Moher. D, 2009) ini mempunyai pelbagai kelebihan, di antaranya dapat menentukan persoalan kajian dalam penyelidikan sistematik dengan jelas, mengenal pasti kriteria penting dalam sebuah artikel yang perlu atau dikeluarkan dan membantu mendapatkan pangkalan data bagi kajian saintifik literatur pada masa yang ditetapkan (Ramli et al., 2019) Rajah carta alir persampelan artikel PRISMA diperincikan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Carta Alir PRISMA



Sumber: Data Sekunder

Proses pertama dalam PRISMA adalah mengenalpastian artikel melalui pencarian di pangkalan data yang dipilih iaitu *Web of Science* dan *Scopus*. Kata kunci yang ditentukan bagi carian artikel mentah adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kata Kunci dan Strategi Pencarian di Pangkalan Data

Pangkalan Data	Kata Kunci yang Digunakan
Web of Science	<p>Carian 1: (ALL= (digital payment AND awareness)) AND ALL= ((e-payment OR "electronic payment" OR "digital payment" OR "electronic money" OR "electronic cash" OR cashless OR "mobile payment")) AND (awarene* OR alertne* OR realization OR recognition OR understanding))</p> <p>Disaring mengikut: Jenis dokumen (Article or Proceeding Paper or Review Article)</p> <p>Carian 2: ALL= (mosque management AND financial management AND fund management)</p> <p>Disaring mengikut: Jenis Dokumen (Article or Proceeding Paper) Sub-bidang: Management or Business or Business Finance or Computer Science Artificial Intelligence or Computer Science Interdisciplinary Applications or</p>



Economics or Religion (Web of Science Categories)

Scopus Carian 1: *TITLE-ABS-KEY (e-payment OR "electronic payment" OR "digital payment" OR "electronic money" OR "electronic cash" OR cashless OR "mobile payment") AND (awarene* OR alertne* OR realization OR recognition OR understanding)*

Disaring mengikut: article, subarea (economic, social sciences, computer science, business), document type (article, conference paper), open access(all), publication stage(final), keyword (elec money, m-payment, elec commerce), language (English, BM)

Carian 2: *TITLE-ABS-KEY (mosque OR masjid) AND ("FUND MANAGEMENT" OR "FINANCIAL MANAGEMENT") AND (infaq OR donation OR sadaqah)*

Sumber: Data Sekunder

Daripada kata kunci yang telah ditetapkan seperti Jadual 1, sebanyak 304 artikel telah ditemui melalui enjin carian pangkalan data yang dipilih iaitu Scopus dan Web of Science (WOS). Daripada 304 artikel sebanyak 186 artikel telah dikecualikan kerana tidak menepati kata kunci yang ditetapkan menjadikan hanya 118 artikel disaring ke peringkat seterusnya. Kajian menetapkan dua search string bagi setiap pangkalan data dengan mengasingkan terma masjid dengan terma carian 1 kerana kekurangan hasil dalam carian jika carian dibuat serentak. Kaedah ini adalah penting bagi memastikan kurangnya berlaku keciciran dalam carian artikel.

Proses kedua PRISMA ialah penyaringan dari artikel mentah yang diperolehi dari dua pangkalan data yang dipilih. Proses ini adalah perlu bagi mengasingkan artikel yang benar-benar berkaitan dan relevan sahaja dengan objektif dan tema kajian. Pengkaji sekali lagi melakukan penyaringan dari aspek ketersediaan kertas kerja penuh dan pengulangan artikel. Di mana 12 artikel telah dikecualikan kerana tiada artikel penuh manakala 3 artikel lagi didapati berulang. Hasil saringan menjadikan hanya 103 artikel penuh diterima untuk proses seterusnya.

Jadual 2: Penerimaan dan Pengecualian

Kriteria	Penerimaan	Pengecualian
Jenis	<i>Journals (research articles)</i>	<i>book series</i>
Penerbitan	<i>Proceedings</i> <i>Conference paper</i>	<i>book</i> <i>chapter in book</i>
Bahasa	<i>English</i>	<i>Non-English</i>
Sub bidang	<i>Econometrics and Finance, social sciences, computer sciences, Business, Management and Accounting</i>	<i>Engineering, Decision Sciences, Psychology, Medicine, Environmental Science, Arts and Humanities</i>

Sumber: Data Sekunder

Bagi proses penerimaan, pengkaji telah menggariskan beberapa kriteria untuk pengecualian bersebab di mana 29 artikel telah dikecualikan kerana tidak berkaitan dengan tema yang ditetapkan. Kajian menetapkan ranking jurnal daripada Q1 hingga



Q4 adalah diterima bagi tujuan proses pemilihan. Hal ini termasuk artikel yang tidak mempunyai Skor H-Index dan SJR 2022 index turut dimasukkan sebagai data kajian. Justifikasi dipilih walaupun tiada skor selagi artikel tersebut diterbitkan dalam jurnal WoS atau Scopus kerana limitasi mendapatkan artikel yang memenuhi semua elemen yang ditetapkan. Ringkasan kriteria penerimaan dan pengecualian juga boleh dirujuk dalam Jadual 2. Hasil analisis PRISMA mendapati hanya 74 artikel yang menepati tema yang ditetapkan. Maka, analisis kandungan akan dilakukan terhadap 74 artikel yang telah dipilih.

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan keputusan kajian akan dibahagikan kepada beberapa subtopik iaitu taburan karakter kajian yang merangkumi taburan artikel terpilih mengikut tahun penerbitan, negara diterbitkan, kaedah penyelidikan dan *quartile ranking* bagi terbitan jurnal. Manakala bahagian kedua melibatkan perbincangan kandungan analisis mengikut objektif kajian telah digariskan.


Karakter Demografi Artikel

Perbincangan karakter demografi artikel dibentangkan mengikut tahun penerbitan, negara terbitan dan *ranking* jurnal.

Taburan Artikel mengikut Tahun Terbitan

Rajah 2 menunjukkan taburan artikel mengikut tahun penerbitan. Didapati tahun 2022 menyumbang paling banyak artikel iaitu sebanyak 20 artikel (27.0% %) berkaitan tema terpilih. Diikuti tahun 2020 dan 2023 masing-masing dengan 11 artikel (14.8%) dan tahun 2021 dan dengan 10 artikel (13.5%). Taburan terbitan artikel dilihat menunjukkan tren menaik dan dijangka terus meningkat sehingga akhir tahun 2023. Bagaimanapun tahun 2022 mencatatkan bilangan artikel berkaitan tema paling banyak dikeluarkan. Tren dilihat meningkat dengan mendadak mulai tahun 2019 sehingga 2023. Fenomena ini boleh dikaitkan dengan situasi covid-19 yang menggalakkan pengguna menggunakan transaksi e-pembayaran yang ketara berbanding situasi sebelum pandemik. Tren ini juga menggambarkan tema dan toipik kajian adalah relevan dan penambahan kajian literatur adalah kritikal untuk dikembangkan.

Rajah 2: Taburan Artikel mengikut Tahun Terbitan




Sumber: Data Sekunder

Taburan Artikel mengikut Negara

Rajah 3 menunjukkan taburan artikel berdasarkan lokasi (negara). Berdasarkan rajah tersebut, artikel yang terpilih dalam kajian ini adalah daripada 16 buah negara iaitu United States (US), United Kingdom (UK), Turkey, Taiwan, Switzerland, South Korea, Pakistan, Netherland, Mexico, Malaysia, Indonesia, India, Germany, China, Canada dan Australia. UK mencatat statistik tertinggi iaitu sebanyak 20 artikel (27.0%).

Rajah 3: Taburan Artikel mengikut Negara



Sumber: Data Sekunder


Hal ini menunjukkan kajian berkaitan tema dan objektif kajian ini banyak berpusat di negara tersebut. Negara kedua tertinggi menyumbang kepada artikel berkaitan kajian ini adalah dari US iaitu sebanyak 16 artikel (21.6%), manakala Switzerland merupakan

negara ketiga tertinggi dengan menyumbang 15 artikel (20.3%). Hanya 1 artikel (1.4%) dari negara-negara seperti Turkeye, Taiwan, South Korea, Pakistan, Mexico, Malaysia, India, Germany, China dan Australia.

Taburan Artikel mengikut Metodologi Kajian

Taburan artikel mengikut metodologi kajian mendapati 61 artikel (82.4%) adalah daripada kajian berbentuk kuantitatif manakala 11 artikel (14.9%) adalah daripada kajian berbentuk kualitatif.

Rajah 4: Taburan Artikel mengikut Metodologi Kajian



Sumber: Data Sekunder

Berdasarkan Rajah 4, hanya 2 artikel (2.7%) iaitu artikel 3 dan 107 adalah daripada kajian yang menggabungkan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif. Taburan dilihat normal kerana carian tema mengenai kajian ini sememangnya melibatkan kajian berbentuk kuantitatif.

Taburan Artikel mengikut Penerbit dan H-Index dan SJR 2022 Ranking

Seterusnya, dapatan kajian akan membentangkan taburan artikel mengikut penerbit berserta kedudukan dan skor kuartil penerbit yang dinilai menggunakan SJR index 2022 dan H-index. Dapatan ini adalah penting bagi memastikan hanya artikel yang berada dalam radar jurnal berindeks tinggi sahaja dipilih bagi tujuan analisis.

Jadual 3: Taburan Artikel mengikut Penerbit dan H-Index dan SJR 2022 Ranking

Nama Jurnal	Kekerapan	No artikel	H-Index	Ranking SJR 2022 index
Future Internet MDPI	1	1	49	Q2 (0.77)
Pertanika Journal of Science and Technology	1	2	22	Q3 (0.19)
The Fifth International Conference on Digital Society	1	3	12	Not Assigned



Technology in Society	2	4	69	Q1 (1.49)
		7	69	Q1 (1.49)
Journal of Positive Psychology and Wellbeing	1	10	12	Q1 (0.87)
International Journal of Computer Vision	1	12	209	Q1 (3.37)
Cogent Business & Management	3	13	32	Q2 (0.52)
		53	32	Q2 (0.52)
		127	32	Q2 (0.52)
Pacific Business Review International	1	14	40	Not Assigned
Journal of Islamic Marketing	1	16	49	Q2 (0.65)
Procedia - Social and Behavioral Sciences	1	18	67	Not Assigned
Journal of Agricultural & Applied Economics	1	23	16	Q2 (0.49)
Sustainability	6	25	136	Q1 (0.66)
		40	136	Q1 (0.66)
		45	136	Q1 (0.66)
		55	136	Q1 (0.66)
		66	136	Q1 (0.66)
		92	136	Q1 (0.66)
Journal of Risk and Financial Management	1	26	7	Q3 (0.26)
International Journal of Bank Marketing	4	27	96	Q2 (1.09)
		46	96	Q1 (1.09)
		107	96	Q2 (1.09)
		136	96	Q2 (1.09)
Applied System Innovation	2	35	19	Q2 (0.63)
		50	19	Q2 (0.63)
Journal of Theoretical and Applied Electronic Commerce Research	4	36	39	Q1 (0.77)
		90	39	Q1 (0.77)
		102	39	Q1 (0.77)
		134	39	Q1 (0.77)
Technological Forecasting and Social Change	2	37	155	Q1 (2.64)
		137	155	Q1 (2.64)
Information Systems Frontiers	1	38	79	Q1 (1.42)
Journal of Innovation & Knowledge	1	41	39	Q1 (2.65)
SAGE Open	2	30	49	Q2 (0.42)
		44	49	Q2 (0.42)
Interdisciplinary Journal of Information, Knowledge, and Management	1	51	27	Q2 (0.41)
International Journal of E-Services and Mobile Applications	1	52	11	Q3 (0.23)
International Journal of Advanced Computer Science and Applications,	1	54	35	Q3 (0.26)
Journal of Global Information Management	2	59	44	Q2 (0.58)



		67	44	Q2 (0.58)
Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science	3	64	31	Q3 (0.27)
		74	31	Q3 (0.27)
		103	31	Q3 (0.27)
Australasian Journal of Information Systems	1	69	25	Q2 (0.42)
Proceedings of the ACM on Human-Computer Interaction	1	70	50	Q1 (0.72)
Journal of Retailing and Consumer Services	1	76	120	Q1 (2.54)
International Journal of Web Information Systems	1	81	34	Q2 (0.57)
Advances in Science, Technology and Engineering Systems Journal	1	83	16	Not Assigned
Computers in Human Behavior Reports	2	85	15	Q2 (0.95)
		132	226	Q1 (2.46)
Management Science Letters	1	87	27	Not Assigned
International Journal of Data and Network Science	1	88	16	Q2 (0.37)
Technology Analysis & Strategic Management	1	104	78	Q2 (0.77)
The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries	1	105	25	Q3 (0.46)
IEEE Access	2	121	204	Q1 (0.93)
		6	204	Q1 (0.93)
Journal of Islamic Economic Literatures	1	123	Not Assigned	Not Assigned
International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management	1	125	38	Q2 (0.49)
The Islamic Quarterly:	1	126	Not Assigned	Not Assigned
Annals of Contemporary Developments in Management & HR	1	128	Not Assigned	Not Assigned
International Journal of Mobile Communications	1	129	48	Not Assigned
Electronic Commerce Research and Applications	2	130	91	Q1 (1.31)
		135	91	Q1 (1.31)
International Journal of Electronic Finance	1	131	20	Q4 (0.15)
Decision Support Systems	1	133	170	Q1 (2.08)
Journal of Asian Finance, Economics and Business	1	5	25	Not Assigned
International Journal of E-Business Research	1	101	25	Q3 (0.23)
International Journal of Electronic Commerce Studies	1	98	13	Q3 (0.32)
Electronic Markets	1	138	49	Q1 (1.55)
Economic Research - Ekonomska Istraživanja	1	33	43	Q2 (0.61)
Technological Forecasting & Social Change	1	31	155	Q1 (2.64)
Cogent Engineering	1	28	34	Q2 (0.38)
Jumlah	74			

Sumber: Data Sekunder



Berdasarkan Jadual 3 diatas, dapat dilihat dengan jelas Jurnal Sustainability mendahului penerbitan berkaitan tema dengan 6 artikel. Diikuti oleh *International Journal of Bank Marketing* dan *Journal of Theoretical and Applied Electronic Commerce Research* dengan masing-masing 4 terbitan. Tidak ketinggalan jurnal Cogent Business & Management dan Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science dengan 3 terbitan. Lain-lain jurnal adalah hanya dengan 1 terbitan sahaja. Hal ini menunjukkan topik e-pembayaran sememangnya telah menembusi dan merentasi pelbagai sub-bidang.

Objektif kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mensintesis dan memperluaskan pemahaman semasa mengenai i) definisi e-pembayaran, ii) teori mengukur kesedaran iii) faktor-faktor yang mengukur kesedaran penggunaan e-pembayaran dalam kutipan sumbangan. Seterusnya, artikel akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan tiga objektif yang telah digariskan.

Objektif 1: Mensintesis Definisi E-pembayaran

Bagi menjawab objektif pertama, ringkasan sumbangan kajian lepas dapat diterangkan seperti dalam Jadual 4. Majoriti kajian lepas mentafsirkan e-pembayaran yang merangkumi ruang lingkup mobiliti tunai dan platform bayaran. Ringkasan ini menetapi definisi digitalisasi dimana melibatkan transisi yang dicirikan oleh teknologi analogue kepada teknologi digital dan inovasi perniagaan yang lebih mudah alih dan fleksibel (Amoroso & Magnier-Watanabe, 2012; Zhou, 2013) bagi pembayaran secara makro dan mikro (Shaikh et al., 2022a).

Jadual 4: Ringkasan Sumbangan Kajian Lepas - Definisi E-pembayaran

Kajian Lepas	Sumbangan definisi e-pembayaran
(Chen, 2008)	<i>Making digital payments using a variety of portable devices</i>
(Au & Kauffman, 2008)	<i>An exchange of financial value</i>
(Gerpott & Kornmeier, 2009)	<i>An e-transaction solution</i>
(Liébana-Cabanillas et al., 2014)	<i>A business activity</i>
(Zhou, 2013)	<i>Anytime, anywhere payment mechanism</i>
(Amoroso & Magnier, 2012)	<i>A mobile wallet</i>
(Dahlberg et al., 2008)	<i>A wireless and other communication technology payment mechanism</i>
(Karjaluoto et al., 2021)	<i>Contactless payment system</i>
(Liébana and Lara 2017)	<i>A star or killer application</i>
(Ondrus & Pigneur, 2007)	<i>Wireless transaction of a monetary value</i>
(Shaikh et al., 2022)	<i>Mobile payments are a convenient way to access value-added services and conduct micro and macro payments.</i>
Cadangan baharu	<i>Mobile wallet with flexibility of payment platform related to the digitalization of cashless</i> <i>Dompot mudah alih dengan fleksibiliti platform pembayaran yang berkaitan dengan digitalisasi tanpa tunai</i>

Sumber: Ubah Suai Shaikh et al., 2022



Maka kajian ini telah memperkenalkan satu lagi definisi bagi terma e-pembayaran iaitu e-pembayaran merujuk kepada dompet mudah alih (*e-wallet*) dengan fleksibiliti platform pembayaran yang berkaitan dengan digitalisasi tanpa tunai. Kajian ini menekankan terma digitalisasi sebagai konsep utama dalam menerangkan e-pembayaran. Hal ini berikutan maksud digitalisasi dilihat amat dekat dan menyeluruh merangkumi semua terma yang disumbangkan oleh pengkaji terdahulu dalam memaknai maksud e-pembayaran.

Objektif 2: Teori bagi Mengukur Kesedaran dalam Penggunaan Teknologi E-pembayaran

Jadual 5: Teori mengikut Kaedah Kajian

Kaedah Kajian	Teori yang Digunakan	Bilangan	No. Artikel
Campuran	TAM + FGD	1	107
	Context awareness model + FGD	1	3
	Jumlah	2	
Kualitatif	SLR	5	1, 27, 126, 135, 137
	Bibliometric	3	45, 123, 127
	Focus Group Discussion	2	18, 138
	Tidak dinyatakan	1	70
	Jumlah	11	
Kuantitatif	TAM	11	12, 25, 40, 52, 53, 55, 59, 69, 83, 102, 105
	TAM + UTAUT	5	101, 128, 129, 134, 136
	TAM + ATT	1	35
	TAM + MAO	1	13
	TAM + UTAUT+ATT	1	36
	TAM + UTAUT 2	2	46, 81
	TAM + TPB	1	50
	TAM + IDT	2	104, 133
	TAM + TRA +UTAUT	1	132
	UTAUT	10	16, 30, 41, 66, 67, 74, 85, 87, 88, 98
	UTAUT 2	7	4, 5, 6, 7, 31, 44, 51
	UTAUT 2 + IRT	1	38
	UTAUT 2+ DOI	2	28, 103
	TPB	3	64, 125, 131
	Secuirity	1	54
	IRT	1	76
	SIT + CVM	1	37
	Tidak dinyatakan	10	2, 10, 14, 23, 26, 33, 90, 92, 121, 130
	Jumlah	61	
	Keseluruhan		

Sumber: Data Sekunder


Nota:

TAM: Technology Acceptance Model, UTAUT: Unified Theory of Acceptance and Use of Technology, ATT: Attitude toward Using
 MAO: Motivation Ability Opportunity, TPB: Theory of Planned Behaviour, IDT: Innovation Diffusion Theory, TRA: Theory of Reasoned Action
 IRT: Innovation resistance theory, SIT: Social Impact Theory, CVM: Customer Value model

Bagi objektif ke-2, hasil sorotan kajian lepas secara komprehensif telah berjaya menyenaraikan lebih daripada 10 teori yang berkaitan dan boleh digunakan untuk mengukur kesedaran penggunaan teknologi berkaitan e-pembayaran. Ringkasan dapatan kajian dapat dibentangkan melalui Jadual 5 di atas.

Jadual 2 menerangkan mengenai ringkasan taburan teori mengikut kaedah kajian. Sebanyak 74 artikel telah dianalisis dan kajian lepas berkenaan dengan tema dipelopori oleh kaedah kajian kuantitatif sebanyak 61 artikel (82.4%), diikuti oleh kaedah kajian kualitatif sebanyak 11 artikel (14.9%) dan hanya 2 artikel (2.7%) menggunakan kaedah kajian campuran (*mix method*). Hasil kajian mendapati majoriti kajian lepas dipelopori oleh kajian berbentuk kuantitatif dan ini adalah normal kerana melibatkan teori yang mempunyai pelbagai faktor. Taburan artikel kuantitatif tersebut dapat diterangkan dengan lebih terperinci melalui Rajah 3 di bawah.

Rajah 5: Taburan Artikel Kuantitatif mengikut Teori yang Digunakan



Sumber: Data Sekunder

Rajah 5 menunjukkan taburan artikel kuantitatif mengikut teori yang digunakan oleh sorotan kajian terdahulu. Hasil sorotan mendapati kebanyakan artikel menggunakan *Technology Acceptance Model (TAM)* dalam menerangkan penggunaan teknologi e-pembayaran dimana telah digunakan oleh 11 artikel antaranya kajian oleh (Hasbolah et al., 2023; Zhang et al., 2019). Manakala *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)* pula mencatat sebanyak 10 artikel (Alkhowaiter, 2022; Bin-Nashwan et al., 2023; Chang et al., 2021; Jung et al., 2020; Lee, 2019; Mohd Ariffin et al., 2020; Rahardja et al., 2023; Yang et al., 2021).

Dapatan ini membuktikan bahawa TAM dan UTAUT merupakan Teori yang paling popular digunakan bagi menerangkan penerimaan teknologi termasuk dalam penggunaan e-pembayaran. Selain itu, dapatan kajian juga membuktikan kajian terdahulu cenderung untuk menggabungkan dan mengembangkan dua teori asas ini. Antaranya gabungan TAM dan UTAUT 2 ((Lisana, 2021; Upadhyay et al., 2022) serta gabungan TAM dan IDT (Luo et al., 2021; Zhou, 2013)

Teori Kembangan UTAUT 2 juga dilihat agak popular dikalangan kajian lepas dimana teori ini mencatat 7 artikel dalam menerangkan penerimaan teknologi e-pembayaran ((Busu et al., 2018; Migliore et al., 2022) (Akanlisikum Akanferi et al., 2022; Almajali et al., 2022; Balakrishnan & Shuib, 2021; Shaikh et al., 2022b; Sleiman et al., 2022). Teori UTAUT 2



juga cenderung menerima revolusi teori dengan gabungan dengan beberapa teori lain seperti gabungan UTAUT 2 dan IRT (Rahardja et al., 2023b) serta gabungan UTAUT 2 dan DOI (Busu et al., 2018; Migliore et al., 2022) Teori lain yang dilihat ketara dalam penggunaannya dalam menerangkan isu ini juga ialah teori yang dibangunkan oleh Ajzen iaitu *Theory of Planned Behaviour* (TPB). Teori mudah ini mencatat 3 artikel kauntitatif iaitu artikel bernombor 64, 125 dan 131. Dapatan ini menunjukkan meskipun terdapat pengembangan teori penerimaan teknologi yang pesat, terdapat juga kajian yang masih selesa menggunakan teori asal kelakuan penerimaan seperti TPB.

Objektif 3: Tema faktor Kesedaran dalam Sorotan Kajian Lepas

Seterusnya, bagi objektif ke-3 kajian ingin menyelesaikan faktor kesedaran dalam sorotan kajian terdahulu. Secara keseluruhannya, penelitian terhadap kajian terdahulu telah menerbitkan 7 tema berkaitan kajian kesedaran terhadap penggunaan teknologi e-pembayaran. Tema tersebut diterbitkan berdasarkan konteks perbincangan dan keterlibatan faktor kesedaran dalam kajian terdahulu berkaitan. & tema tersebut ialah kesedaran dalam konteks: (i) Isu dan Cabaran, (ii) Metodologi Kajian, (iii) Cadangan di masa akan datang, (iv) Penyedia Kemudahan (Jenama, Kualiti), (v) Sumbangan Kajian Lepas, (vi) Peranan dan Kebaikan, (vii) Faktor Penentu.

